

# Misi kekal juara

Faizal harap anak buah ulangi kejayaan tahun lalu



>>Oleh Haidhar Hilmi  
sukan@hmetro.com.my

J URULATIH silat negara, Ahmad Faizal Abu Bakar mengharapkan pesilat negara mampu mengulangi skrip tahun lalu dengan

mengekalkan kejuaraan Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri (TPM) 2012 edisi ketiga.

Bagaimanapun beliau tidak sesekali memandang rendah keupayaan pesaing negara

lain seperti Singapura, Laos dan Vietnam.

"Tahun lalu kami muncul juara keseluruhan dengan pungutan 12 pingat emas, empat daripada acara seni dan selebihnya olahraga.



FAIZAL

"Sebagai juara bertahan, sudah tentu kami mahu meneruskan legasi ini," katanya di Batu Pahat, semalam.

Bagaimanapun, beliau akui anak didiknya tidak boleh leka dengan pencapaian semasa kerana prestasi dipamer peserta luar negara turut mengagumkan.

"Walaupun pasukan sudah mempamerkan prestasi memberangsangkan pada kejohanan ini tapi saingan daripada Singapura, Laos dan Vietnam juga harus diberi perhatian.

"Yang pasti, pasukan silat mahu memperbaiki pencapaian dua tahun lalu, meraih satu emas pada AUG ke-15 di Chiangmai, Thailand.

"Sasaran tiga emas pada hujung tahun ini boleh dicapai

kerana kami sudah menganjurkan persiapan sejak Januari lalu," katanya.

Pada AUG 2010, skuad silat negara hanya menghantar 10 pesilat dan sekadar meraih emas bagi acara ganda lelaki menerusi Mohd Ikbal Jusuf dan Mohd Faizul Sarif.

Ahmad Zeeyadi Zahalani pula menyumbangkan perak bagi acara olahraga kategori lelaki B (berat 50-55 kilogram).

Menurut Ahmad Faizal, temasya AUG yang berlangsung di Vientiane, Vietnam hujung tahun ini menjadi ujian sebenar kepada pesilat institusi pengajian tinggi (IPT) negara kerana mereka mempunyai misi yang lebih besar.

"Pada 2010, kami hanya ba-

wa 10 pesilat berbanding tahun ini, 28 pesilat yang akan bersaing dalam 18 kategori. Saya percaya mereka akan memperbaiki pencapaian laju," katanya.

Skuad negara mendahului saingan antarabangsa bagi acara silat seni puteri dengan pungutan tiga emas menerusi Nur Naema Nayan bagi kategori jurus tunggal, Norhaliza Muaidi dan Nurul Amalina Subki (ganda) serta A'ain Hidayah Ahmad Fua'ad, Nurul Atiqah Mohamad dan Nurhaniza Nor din (regu). Begitu juga dengan acara silat seni putera dengan dua emas sumbangsan Mohamad Hafiz Mohd Arif dan Abdul Hanif Hasbullah bagi kategori ganda.



MANTAP maksj pesilat negara, Mohd Faizul M Nasir (kanan) menentang pesilat Vietnam.